

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai mekanisme khusus dalam memastikan golongan belia khususnya graduan mendapat lebih manfaat menerusi Program Latihan Penjana Kerjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020 oleh YB Menteri Sumber Manusia. Salah satu skim daripada inisiatif tersebut adalah *Place and Train* yang memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan dan pelajar lepasan sekolah yang sekaligus akan mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan belia. Secara keseluruhannya, peruntukan daripada PENJANA yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020 yang berjumlah RM250,000,000.00 akan digunakan oleh PSMB bagi memanfaatkan 40,000 graduan untuk mendapat peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan. Sekian, terima kasih.